

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 21 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 37

### Perdagangan luar Januari rekod RM207b

## Perdagangan luar Januari rekod RM207b

**PETALING JAYA** – Prestasi perdagangan Malaysia mengekalkan momentum peningkatan pada Januari 2023 dengan perdagangan, eksport dan import mencatatkan nilai bulanan tertinggi bagi bulan Januari.


Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, perdagangan berkembang sebanyak 1.9 peratus tahun ke tahun kepada RM207.51 bilion dengan eksport naik kepada RM112.84 bilion, manakala import kepada RM94.67 bilion.

Menurutnya, lebih dagangan pula berjumlah RM18.16

bilion yang mana ia merupakan lebih dagangan ke-33 bulan berturut-turut sejak Mei 2020.

“Pertumbuhan eksport disumbangkan oleh eksport yang kukuh bagi keluaran petroleum, gas asli cecair serta barangan elektrik dan elektronik (E&E).

“Berbanding Disember 2022, perdagangan, eksport, import dan lebih dagangan masing-masing menurun 11.8 peratus, 14.4 peratus, 8.6 peratus dan 35.5 peratus, disebabkan bilangan hari bekerja yang singkat dan cuti perayaan yang panjang,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.



**NILAI** barangan eksport daripada sektor elektronik meningkat pada bulan Januari tahun ini. – GAMBAR HIASAN